UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU
21030 Kuala Nerus, Terengganu, Malaysia
: +609-6684111 | : www.umt.edu.my | PEJABAT BENDAHARI
: +609-6684217 | : pro@umt.edu.my

Rujukan kami : UMT/BEND/100-4/8 JLD 2 (17)
Tarikh : 25 November 2019
Bersamaan : 28 Rabiulawal 1441H

Semua Ketua Pusat Tanggungjawab
Universiti Malaysia Terengganu

Assalamualaikum & Salam Sejahtera

Y. Bhg. Dato' / Prof. / Tuan / Puan,

PEKELILING BENDAHARI BIL. 5 TAHUN 2019

PENAMBAHAN YURAN PENYELIDIKAN (BENCHFEES) KE DALAM YURAN PENGAJIAN PASCASISWAZAH (PENYELIDIKAN) UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU

1.0 TUJUAN

1.1 Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan penambahan yuran penyelidikan (benchfees) ke dalam yuran pengajian pascasiswazah (penyelidikan) UMT.

2.0 LATAR BELAKANG

2.1 Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Kewangan (JKTK) Kali Ke-46 Bil.3 Tahun 2019 yang bersidang pada 11 November 2019 telah bersetuju meluluskan kadar yuran penyelidikan (benchfees) ke dalam yuran pengajian pascasiswazah (penyelidikan) UMT.

2.2 Mesyuarat Jawatankuasa Yuran (JKY) UMT Kali Ke-19 (Bil.2/2019) yang bersidang pada 16 Mei 2019 telah memperakukan cadangan mengenakan yuran penyelidikan kepada pelajar pengajian pascasiswazah dengan keperluan berikut:

a. Pelajar struktur penyelidikan dikenakan yuran ini pada semester 1 dan tiada sebarang pengecualian dibenarkan;
b. Yuran penyelidikan ini disalurkan kepada penyelia melalui agihan kepada fakulti setelah bayaran penuh dibuat oleh pelajar.

OfficialUMT
Terokaan Seluas Lautan, Demi Kelestarian Sejagat
Ocean of Discoveries, for Global Sustainability

2.3 Yuran ini hanya boleh digunakan bagi tujuan perbelanjaan dan pembiayaan bagi perkara yang berkaitan secara langsung dengan aktiviti penyelidikan pelajar pascasiswazah. Rujuk *Garis Panduan Perbelanjaan (Bagi Yuran Benchfees) pada Jadual 1* berikut.

PERBELANJAAN YANG DIBENARKAN	PERBELANJAAN YANG TIDAK DIBENARKAN
i. Pembelian bahan penyelidikan (sampel, *consumables* dan lain-lain).	Kos pendaftaran untuk mengikuti mana-mana pengajian (sama ada jangka pendek atau panjang) di universiti dalam negara atau luar negara.
ii. Kos operasi peralatan makmal.	Perbelanjaan berunsur peribadi pelajar atau penyelia.
iii. Kos pengangkutan dan penginapan bagi tujuan penyampelan.	Mana-mana kos pengurusan yang tidak berkaitan dengan penyelidikan pelajar yang diselia.
iv. Kos penerbitan artikel jurnal (pelajar sebagai pengarang pertama atau pengarang bersama).	Mana-mana perbelanjaan yang telah dipersetujui atau dibiayai oleh sumber kewangan lain.
iv. Kos pembiayaan latihan / seminar / konferensi pelajar (termasuk yuran, pengangkutan, penginapan dan lain-lain kos yang berkaitan).	Kos pembiayaan biasiswa atau bantuan kewangan kepada pelajar, felo penyelidik, *postdoctoral* atau mana-mana staf.
v. Lain-lain kos yang berkaitan dengan penyelidikan pelajar.	

Jadual 1: Garis Panduan Perbelanjaan (Bagi Yuran Benchfees)

3.0 YURAN PENYELIDIKAN (BENCHFEES)

3.1 Kadar yuran penyelidikan yang ditetapkan bagi pelajar pengajian pascasiswazah struktur penyelidikan adalah seperti Jadual 2 berikut:

Program Pengajian	Kadar (RM)	
	Master	PhD
Sains	RM1,000.00	RM2,000.00
Sains Sosial	RM500.00	RM1,000.00

Jadual 2 : Kadar yuran penyelidikan yang dikenakan mengikut bidang

4.0 TARIKH KUATKUASA

4.1 Pelaksanaan caj yuran ini adalah bagi pelajar yang mendaftar bermula sesi 2019/2020 (Februari 2020).

4.2 Pekeliling ini berkuatkuasa pemakaiannya mulai **11 November 2019.**

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

AZIZAH HASAN

Pemangku Bendahari

Universiti Malaysia Terengganu

s.k:

1. Naib Canselor
2. Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
3. Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)
4. Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan Dan Inovasi)
5. Penolong Pendaftar Fakulti Sains dan Sekitaran Marin
6. Penolong Pendaftar Fakulti Perikanan dan Sains Makanan
7. Penolong Pendaftar Fakulti Teknologi Kejuruteraan Kelautan dan Informatik
8. Penolong Pendaftar Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Pembangunan Sosial
9. Penolong Pendaftar Fakulti Pengajian Maritim
10. Penolong Pendaftar Pusat Pendidikan Asas dan Lanjutan
11. Fail